

01/05/1997

KPB tawar logistik bersepadu untuk Asia

KONSORTIUM Perkapalan Nasional Bhd (KPB) merancang memperluas perkhidmatan syarikat kargo udara tempatan, Transmile Group Bhd, dengan menawarkan penyediaan logistik bersepadu untuk rantau Asia Pasifik.

Pengerusi KPB, Mirzan Mahathir yang juga Pengerusi Transmile, berkata perkhidmatan yang ditawarkan ialah pengendalian penghantaran kargo secara bersepadu menerusi darat, laut dan udara untuk syarikat multinasional yang mempunyai operasi pengeluaran di rantau ini.

"Dengan sistem tepat pada masa serta sistem teknologi maklumat yang digunakan oleh KPB dan Transmile, kami boleh membantu syarikat multinasional melaksanakan kawalan inventori secara optimum," katanya kepada pemberita di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020, di Petaling Jaya, semalam.

Sistem tepat pada masanya dimulakan di Jepun dengan syarikat pengeluar hanya menyimpan inventori yang diperlukan bagi masa yang singkat.

Barangan yang dihantar ke syarikat pengeluar itu ditentukan masanya seperti itu sehingga hanya sedikit baki yang berada dalam simpanan.

Mirzan berkata, KPB sudah mengenal pasti Transmile sebagai rakan kongsi memandangkan kepakaran dan pengetahuannya dalam industri kargo udara.

Menurutnya, perkhidmatan logistik pelbagai model itu diharap dapat dimulakan akhir tahun ini.

Mengenai persaingan daripada penyedia perkhidmatan logistik bersepadu sedia ada, Mirzan berkata:

"Kami percaya ada kelebihannya bermula lebih lambat.

"Kami memiliki kelebihan dari segi kos dan sistem maklumat yang lebih berkesan".

Sebagai sebahagian daripada rancangan pembesaran dan persediaan menjadi rakan kongsi KPB, Mirzan berkata, Transmile mahu menambah pesawat yang digunakan sekarang.

Transmile juga sudah mengemukakan permohonan kepada kerajaan untuk menambah laluan penerbangannya di rantau ini. - Bernama

(END)